



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID  
TIMBALAN MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA:**

**PERASMIAN KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2022**

**PADA:**

**1 OKTOBER 2022**

**BERTEMPAT DI:**

**PERKARANGAN MYDIN MALL MERU RAYA  
IPOH, PERAK**

## **TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS**

- 1. YANG BERHORMAT DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI**  
EXCO PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA, INTEGRASI NASIONAL DAN MASYARAKAT SIVIL, KERAJAAN NEGERI PERAK
- 2. YANG BERBAHAGIA DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF**  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
- 3. YANG BERUSAHA MR KULDIPJEET SIGH**  
PENGURUS KAWASAN UTARA MYDIN MOHAMED HOLDINGS BERHAD
- 4. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN**
- 5. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN NEGERI PERAK**
- 6. KETUA-KETUA PENGARAH DAN WAKIL-WAKIL BADAN KORPORAT**
- 7. USAHAWAN-USAHAWAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) TEMPATAN**
- 8. RAKAN-RAKAN MEDIA**
- 9. TUAN-TUAN, PUAN-PUAN HADIRIN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKALIAN**

**ASSALAMUALAIKUM  
SEJAHTERA DAN  
MALAYSIA.**

**WBTH, SALAM  
SALAM KELUARGA**

1. SEGALA PUJI DAN SYUKUR DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN INAYAHNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA HADIR DAN BERHIMPUN DI MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2022 DI PERKARANGAN MYDIN MALL MERU RAYA, IPOH, PERAK HARI INI.
2. TERLEBIH DAHULU, SAYA MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK TERUTAMA YANG BERHORMAT DATO' ABDUL YUNUS JAMAHRI, EXCO PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA, INTEGRASI NASIONAL DAN MASYARAKAT SIVIL, KERAJAAN NEGERI PERAK ATAS KESUDIAN HADIR DAN KERJASAMA YANG DIBERIKAN DALAM MENJAYAKAN PENGANJURAN KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2022.

3. SAYA TURUT INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA PIHAK MYDIN MOHAMED HOLDINGS BHD SELAKU TUAN RUMAH YANG SENTIASA MEMBERI KERJASAMA TERBAIK KEPADA KPDNHEP DALAM SETIAP PROGRAM DILAKSANAKAN KEMENTERIAN, TERMASUKLAH KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA PADA HARIINI.

**KELUARGA MALAYSIA YANG SAYA KASIHI SEKALIAN,**

4. MALAYSIA DILIHAT AMAT UNIK DI MATA DUNIA KERANA KEPELBAGAIAN KAUM DAN ETNIK YANG HIDUP BERSATU PADU DALAM NEGARA YANG AMAN DAN MAKMUR. KEPELBAGAIAN KAUM, BUDAYA DAN AGAMA DI MALAYSIA MENJADI TARIKAN SERTA BUAH MULUT MASYARAKAT LUAR YANG PERLU KITA PERTAHAN DAN PERTINGKATKAN.

5. SEBENARNYA INILAH KELEBIHAN DAN PELUANG KEPADA NEGARAINI KERANA MELALUI KEUNIKANINI WUJUDNYA KEPELBAGAIAN DARI SEGI BUDAYA, FESYEN, MAKANAN, GAYA HIDUP DAN SEBAGAINYA.
6. SEBAGAI CONTOH, APABILA DISEBUT SAHAJA MAKANAN, KITA ADA NASI LEMAK, NASI DAUN PISANG, DIM SUM, ASAM PEDAS NYONYA DAN BANYAK LAGI. KEMUDIAN SEBUT PULA PAKAIAN, KITA ADA BAJU MELAYU, CHEONG SAM, SARI DAN PAKAIAN TRADISIONAL LAIN YANG SEMUANYA MENCERMINKAN IDENTITI TERSENDIRI.
7. KEISTIMEWAAN DAN KEUNIKAN INILAH YANG HARUS KITA GUNAKAN SEBAIKNYA UNTUK MENARIK MINAT MASYARAKAT DALAM DAN LUAR NEGARA UNTUK MEMARTABATKAN BARANGAN MALAYSIA BUKAN SAHAJA DI

PASARAN DOMESTIK, TETAPI JUGA KE PERSADA ANTARABANGSA.

8. UNTUK MATLAMAT DAN ASPIRASI INI DICAPAI, SUDAH TENTU IA MEMERLUKAN SOKONGAN DAN KERJASAMA SEMUA PIHAK MELIPUTI PENGELUAR PRODUK ITU SENDIRI, PEMAIN INDUSTRI SEPERTI PASAR RAYA DAN PUSAT BELI BELAH, MALAHAN RAKYAT MALAYSIA SENDIRI KESELURUHANNYA SELAKU SEORANG PENGGUNA.
9. PENGELUAR DAN USAHAWAN PRODUK TEMPATAN PERLU LAH BERDAYA SAING DAN MEMPERHEBATKAN INOVASI DALAM MEMASTIKAN SETIAP PRODUK DIKELUARKAN BERMUTU TINGGI, MENARIK DAN UNIK. PEMAIN INDUSTRI PULA PERLU SENTIASA BERSAMA-SAMA KERAJAAN DALAM MEMBANTU MEMARTABATKAN PRODUK KELUARAN TEMPATAN DENGAN MENGUTAMAKAN PRODUK TEMPATAN DI RAK JUALAN PREMIS

NIAGA MEREKA TIDAK KIRALAH SECARA FIZIKAL MAHUPUN DALAM TALIAN.

10. KETIKA PARA PENGUSAHA DAN INDUSTRI MEMANTAPKAN PENGETAHUAN SUPAYA LEBIH BANYAK PRODUK BERKUALITI DIHASILKAN UNTUK MENEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA, KITA SEBAGAI PENGGUNA HARUS BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN USAHAINI DENGAN MEMILIH DAN MENGUTAMAKAN PEMBELIAN PRODUK USAHAWAN TEMPATAN.

11. KITALAH SEBENARNYA YANG MENENTUKAN HALA TUJU BARANGAN KELUARAN TEMPATAN. JIKA BUKAN KITA YANG SOKONG DAN BELI, SIAPA LAGI?

**HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

12. SAYA AMAT BERBANGGA MELIHAT BEGITU BANYAK RANGKAIAN PRODUK-PRODUK

**TEMPATAN YANG BERMUTU TINGGI, UNIK DAN MENARIK DIHASILKAN DALAM NEGARA KITA.**

13. **KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA YANG JULUNG KALI DIADAKANINI ADALAH ANTARA SATU DARIPADA PELBAGAI KOMITMEN DAN PLATFORM DIUSAHKAN KEMENTERIAN UNTUK MEMBANTU MEMPERKASAKAN EKONOMI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA DENGAN MEMARTABATKAN PRODUK USAHAWAN TEMPATAN.**
14. **SAYA MELIHAT KARNIVALINI ADALAH PERMULAAN KEPADA SESUATU YANG LEBIH BESAR YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM).**
15. **SAYA TELAH MENGUTARAKAN VISI DAN HASRAT SAYA UNTUK MELIHAT INDUSTRI PRODUK TEMPATANI TERUS BERKEMBANG MAJU DAN UNTUK ITU SAYA TELAH MENCADANGKAN SUPAYA KARNIVAL**

**BARANGAN MALAYSIA INI DIADAKAN DALAM SKALA MEGA. KBBM PERLU MENGINJAK KE FASA LEBIH BESAR DARI KEBIASAAN YANG TELAH DILAKSANAKAN SABAN TAHUN . IBARAT KATA-KATA ALBERT EINSTEIN *INSANITY IS DOING THE SAME THING OVER AND OVER AGAIN AND EXPECTING DIFFERENT RESULTS* - KITA TAK BOLEH MENGHARAPKAN HASIL YANG BERBEZA DENGAN MELAKUKAN PERKARA YANG SAMA BERULANG KALI.**

16. **INSYA-ALLAH, KEMENTERIAN MERANCANG AGAR BERMULA TAHUN DEPAN, KARNIVAL BARANGAN MALAYSIAINI DAPAT DIBUAT DALAM SKALA LEBIH BESAR SEPERTI PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN AGROPELANCONGAN MALAYSIA (MAHA), YANG MENGUMPULKAN SEMUA BARANGAN TEMPATAN DI ONE-STOP SHOWCASE MERANGKUMI PELBAGAI SEGMENT SEPERTI PERABOT, PAKAIAN, FESYEN DAN GAYA HIDUP, BATIK, AUTOMOTIF, PRODUK**

**KESIHATAN, KOSMETIK, BARANGAN PENJAGAAN DIRI, KRAFTANGAN HINGGALAH KE BARANGAN MAKANAN DAN PRODUK HALAL.**

**17. BAGI MEMANTAPKAN LAGI PENGISIAN UNTUK MEMARTABATKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN HASIL TEMPATAN, PERSEMBAHAN DAN PAMERAN YANG DAPAT MENONJOLKAN KUALITI DAN KEKUATAN PRODUK TEMPATAN SEPERTI PERTUNJUKAN FESYEN, PERTUNJUKAN KERETA DAN MOTOR, PERTANDINGAN MEMASAK, PAMERAN RAWATAN KECANTIKAN DAN PELBAGAI LAGI ACARA TURUT DIRANCANG DIADAKAN.**

**HADIRIN HADIRAT YANG SAYA KASIH SEKALIAN,**

**18. PADA KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA ATAU KBM KALI INI, PRODUK-PRODUK YANG**

DIBAWAKAN MERANGKUMI KEPELBAGAIAN PRODUK ATAU KLUSTER.

19. SIAPA SANGKA JENAMA-JEMANA POPULAR SEPERTI PADINI, BONIA, THE MANHATTAN FISH MARKET, MUNCHY'S, SECRET RECIPE DAN JUGA BRITISH INDIA MERUPAKAN JENAMA TEMPATAN SEBENARNYA. MEREKA JUGA BERMULA DARI BAWAH DAN KINI GAH DI PASARAN LUAR.
20. DI KARNIVAL INI JUGA TERDAPAT PRODUK-PRODUK HEBAT DAN SUDAH DIKENALI RAMAI. KALAU MAKANAN KITA ADA JENAMA CHE'NOR, PERABOT KITA ADA ROYALE CHESTERFIELD, MAINAN KANAK-KANAK JENAMA AGOLA, LAMPIN PAKAI BUANG BAYI BUATAN MALAYSIA PUN KITA ADA MENERUSI JENAMA MIDORI, BEBERAPA JENAMA PRODUK BATIK YANG DATANG PADA KALI INI, PRODUK KESIHATAN HAIWAN DARI MEDIC PETS, PRODUK WANGIAN DARI BORNEO ESSENTIALS DAN BANYAK LAGI

JENAMA YANG ADA PADA KARNIVAL KALI INI. INILAH BARANGAN MALAYSIA. SYABAS BUAT SEMUA 52 USAHAWAN PESERTA KARNIVAL KALI INI.

21. SAYA YAKIN BANYAK LAGI JENAMA-JENAMA TEMPATAN YANG SEMAKIN MENDAPAT TEMPAT DI DALAM PASARAN TEMPATAN DAN LUAR DENGAN KUALITI YANG SETANDING DENGAN PRODUK TERNAAMA ANTARABANGSA YANG LAIN. INSYA-ALLAH.

**KELUARGA MALAYSIA YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

22. KEMPEN MENGANGKAT MARTABAT PRODUK TEMPATANINI TELAH DIMULAKAN KERAJAAN SEJAK 1984 DENGAN NAMA KEMPEN BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA SEBELUM DIJENAMAKAN SEMULA PADA 2009 SEBAGAI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA.

23. ALHAMDULILLAH, IA DILIHAT BERJAYA MEMPERKASAKAN SEMANGAT PATRIOTISME PENGGUNA UNTUK MENYOKONG BARANGAN TEMPATAN, MELONJAKKAN LAGI SEKTOR PMKS DAN MELETAKKAN PRODUK TEMPATAN KE SATU TAHAP LEBIH BAIK, NAMUN IA HARUS DIPERTINGKATKAN LAGI DARI SEMASA KE SEMASA. SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA KITA PATUT BERBANGGA MENGGUNAKAN BARANGAN TEMPATAN. *PROUD TO BE MALAYSIAN, PROUD TO USE MALAYSIAN PRODUCT.*
24. SELAIN KBBM, KPDNHEP TURUT MENAWARKAN PELBAGAI INISIATIF STRATEGIK SETIAP TAHUN UNTUK MEMARTABATKAN BARANGAN MALAYSIA ANTARANYA PROGRAM PEMBANGUNAN DAN TRANSFORMASI PRODUK DAN PENANDAAN LOGO BUATAN MALAYSIA.

25. ALHAMDULILLAH, HARI INI KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2022 MEMILIH IPOH, PERAK SEBAGAI LOKASI PEMBUKAAN DAN SIRI PERTAMA KARNIVALINI BERMULA SEMALAM 30 SEPTEMBER HINGGA ESOK 2 OKTOBER. INSYA-ALLAH SIRI KEDUA PULA AKAN DIADAKAN DI PLAZA ANGSANA MALL, JOHOR BAHRU DALAM MASA DUA MINGGU LAGI IAITU BERMULA PADA 14 HINGGA 16 OKTOBER 2022.
26. BAGI PARA USAHAWAN ATAU BAKAL USAHAWAN BARANGAN TEMPATAN, REBUTLAH PELUANG DARIPADA INISIATIF YANG DITAWARKAN KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN MAHUPUN BADAN BERKANUN, TIDAK KIRALAH DARI SEGI LATIHAN, PEMBANGUNAN PRODUK MAHUPUN ACARA-ACARA YANG MELIBATKAN PAMERAN DAN JUALANINI.
27. UNTUK PENGGUNA PULA, TERUSLAH MENYOKONG PRODUK TEMPATAN. DALAM

SITUASI KENAIKAN HARGA BARANGAN KETIKA INI, MEMILIH PRODUK TEMPATAN BUKAN SAHAJA DAPAT MELONJAKKAN EKONOMI USAHAWAN, TETAPI JUGA MEMBERIKAN LEBIH PENJIMATAN TANPA BERKOMPROMI DENGAN KUALITI.

28. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2022 INI.
  
29. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA TAHUN 2022. SEKIAN,  
WABILLAHITAUFIQ WALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH.